

Polemik rawatan pemulihan dadah

18 Disember 2017



Pelatih pusat pemulihan di Vietnam dikehendaki melakukan kerja sama ada bercucuk tanam atau membuat kasut sebagai salah satu cara terapi

SELAMA empat tahun menjalani tempoh pemulihan wajib di Vietnam, Trung menggunakan hari bebas dadahnya bergaul bersama pesalah lain sebagai satu kaedah yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Dia akan melakukan terapi kerja untuk menghilangkan ketagihannya pada heroin. Tetapi pengkritik mengatakan bahawa terapi kerja yang dilakukan oleh Trung dan puluhan ribu orang lain adalah umpama tenaga kerja paksa yang dilihat kurang berkesan untuk membantu pengguna menghapuskan ketagihan.

Polis menghantar Trung ke pusat rehabilitasi yang ditaja kerajaan di pinggir Hanoi, salah satu daripada 132 pusat terapi penagihan dadah di Vietnam.

Di situ, Trung mendakwa dia kerap dipukul oleh pengawal selain perlu bekerja berjam-jam sehari tanpa gaji yang sepadan.

“Kehidupan di sana seperti makan, berjalan, tidur dan bekerja, langsung tidak mementingkan hak asasi manusia,” jelas lelaki berusia 50 tahun itu yang menggunakan dadah beberapa dekad lalu.

Pembebasan

Selepas dibebaskan tiga tahun lalu, Trung kembali mengambil dadah. Malah, kira-kira 80 peratus penagih dari pusat-pusat itu merupakan penagih berulang, sama seperti Trung.

Trung telah menggantikan kaedah terapi kerja buruh yang pernah dilakukan dengan pengambilan metadon setiap hari dari klinik kerajaan. Kini, Trung sedang berusaha untuk melawan ketagihan yang dialami. Antara tahun 2014 hingga 2016, lebih daripada 65,000 penagih bertukar ganti masuk ke pusat pemulihan. Mereka dihantar oleh polis dan sanak saudara sendiri.

Kadangkala, pusat pemulihan turut menerima kemasukan orang sakit mental dan orang kurang upaya yang tiada kediaman dan orang tua untuk tinggal bersama dengan penagih seperti Trung yang menyokong model rawatan seperti itu.

Kebanyakan daripada mereka akan tinggal antara setahun hingga dua tahun dan kadangkala sehingga empat tahun sekiranya keadaan mereka tidak mengizinkan untuk dibebaskan lebih awal.

Tempoh pembebasan juga bergantung kepada jumlah kerja yang dilakukan. Kumpulan pejuang hak asasi manusia menuduh pegawai di pusat pemulihan tersebut telah menyalahgunakan kuasa dengan memotong jumlah bayaran yang diterima oleh pelatih selain mengambil sebahagian daripada yuran yang dibayar oleh ahli keluarga.

“Ia merupakan satu kegagalan dalam kaedah rawatan pemulihan dadah, tetapi mereka mungkin boleh dianggap berjaya dalam menjana kewangan untuk kegunaan kerajaan terutama bagi mengoperasikan pusat pemulihan tersebut,” kata Pengarah Bersekutu, Pemerhati Hak Asasi Manusia, Richard Pearshouse menerusi laporan mengenai pusat tersebut.

Dibandingkan dengan beberapa pusat pemulihan dadah seumpamanya di seluruh Asia, pakar memberitahu, tempoh rawatan dan jumlah kemudahan tersebut di Vietnam agak berbeza.

Ada antara beberapa pusat yang penuh sesak. Pihak pemerintah Vietnam sendiri telah mengakui keperluan untuk memperbaharui kemudahan tersebut dan telah melonggarkan dasar berkaitan dadah termasuklah melaksanakan rawatan berasaskan komuniti dan pengenalan klinik metadon.

“Undang-undang dan peraturan di Vietnam kini semakin baik terutama jika berkaitan dengan kaedah pemulihan dan rawatan penagihan dadah,” kata Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah Sosial, Le Thanh Tung yang terletak di bandar Hai Phong.

Neraka

Pusat tersebut menempatkan kira-kira 500 penagih dengan kebanyakannya dihantar oleh saudara-mara.

Selepas melalui proses pemulihan wajib untuk tempoh tertentu, mereka kemudiannya dibenarkan tinggal di bilik asrama bersama penghuni lain.

Mereka juga akan menjahit kasut atau berkebun selain turut dibenarkan menerima latihan vokasional sebagai juruelektrik atau tukang kayu.

“Penagih dadah tidak melakukan perkara yang berfaedah untuk keluarga dan komuniti. Mereka sepatutnya dipenjarakan dan diasingkan.

“Apabila anda mempunyai penagih dadah di dalam rumah, kehidupan akan menjadi seperti neraka,” kata Luong, ibu kepada dua anaknya yang merupakan penagih dadah sambil mengalirkan air mata.

Anak lelakinya pernah menggadaikan perabot rumah bagi membeli dadah. Wanita itu kemudiannya menghantar anaknya itu ke pusat pemulihan dan tidak lagi bertemu dengannya sejak setahun lalu.

Beberapa organisasi telah berusaha melakukan program kesedaran berasaskan komuniti untuk membolehkan golongan bekas penagih dadah kembali hidup normal selain memberi peluang pekerjaan kepada mereka.

Bagaimanapun jumlah penerimaan oleh anggota masyarakat terhadap program seperti itu masih kurang memuaskan.

“Salah satu halangan kepada kami ialah kurangnya kesedaran tentang betapa rumitnya kaedah rawatan penagihan dadah sedangkan anggota masyarakat mahukan ia dilakukan dengan sangat berjaya dan cepat,” kata Oanh Khuat, Pengarah Eksekutif Pusat Inisiatif Pembangunan Sokongan Komuniti, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang mempromosikan program sukarelawan berasaskan komuniti. – AFP